

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 MEI 2017 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Persidangan cambah idea	Harian Metro
2.	'Stands united to stop threats'	New Straits Times
3.	Inventing for a better world	New Straits Times
4.	Mengubah iklim kewartawanan sains	Utusan Malaysia
5.	Pengajaran di kelas atau secara maya	Harian Metro

PERSIDANGAN CAMBAH IDEA

117 kertas kerja dibentang
pada NATGRAD 2017



WILFRED (tiga kanan) bersama Dr Kamal Nasharuddin
(kanan) melawat makmal Kejuruteraan.

Fazurawati Che Lah
fazurawati@hmetro.com.my

Sebanyak 117 kertas kerja dibentangkan di persidangan kali keempat National Graduates Conference (NATGRAD) 2017 di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), baru-baru ini.

Kertas kerja yang dibentangkan itu membabitkan bidang kejuruteraan, perniagaan dan pengurusan serta teknologi maklumat dan bidang tenaga.

Naib Canselor UNITEN Datuk Profesor Ir Dr Kamal Nasharuddin Mustapha berkata, pembentangan ini menjadi platform untuk memperkasakan pelajar melalui pertukaran idea dan pengalaman dalam latihan serta melalui pendekatan yang kompleks.

Katanya, pembentangan ini juga antara usaha untuk meneruskan penyelidikan yang berdaya saing dan cemerlang bagi memberi perubahan serta inovasi dalam bidang berkaitan.

"Untuk makluman, tahun ini kita mencatatkan penyertaan pelajar tertinggi dan penyerahan kertas untuk NATGRAD 2017.

"Kami menerima sebanyak 117 kertas kerja untuk semakan manakala 102 kertas kerja diterima dan dibentangkan ketika

persidangan dua hari ini.

"Kertas kerja yang dibentangkan termasuk daripada 64 kertas kerja dalam bidang Kejuruteraan, 18 dalam Perniagaan dan Pengurusan, 10 Teknologi Maklumat dan satu bidang baru ditambah ke persidangan ini, iaitu 10 kertas kerja dalam bidang tenaga," katanya.

Program itu dirasmikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

NATGRAD 2017 adalah anjuran Kelab Aktiviti Siswazah UNITEN di bawah kelolaan Kolej Pengajian Siswazah (COGS) sempena sambutan UNITEN ke-20.

Bertemakan Energizing Innovations Through Research Excellence, ia selaras dengan visi dan misi MOSTI untuk memartabatkan negara ke arah lebih mampan, berdaya saing dan menjana kepada pendapatan ekonomi yang lebih tinggi.

Kamal Nasharuddin berkata, selaras dengan Building Opportunities Living Dreams 2025 (BOLD2025) dengan misi Transformasi UNITEN untuk mencapai penyelidikan yang cemerlang, persidangan berkenaan menjadi batu loncatan dalam kalangan penyidik untuk mencapai kejayaan dalam bidang terbabit.

SELFLESS SPIRIT

'STAND UNITED TO STOP THREATS'



'Develop patriotism to thwart attacks on nation'

OLIVIA MIWIL
SANDAKAN
news@nst.com.my

ENEMIES of the nation will not dare attack or bring down the government if Malaysians cultivate a strong sense of patriotism.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak yesterday said with such a selfless spirit, citizens would do their best to defend the country and allow for continued progress.

Najib said the opposition's tagline, "Sabah for Sabahans", would not hold water, and pledged that he would do his best for the state at the Ekspresi Negaraku programme here.

He said a lot had been done for Sabah, such as beefing up security via the Eastern Sabah Security Command (Esscom), and the Pan-Borneo Highway project.

He said industries in the state's east coast, whose image was tarnished due to the Sulu intrusion in 2013, had prospered due to efforts by the state and federal governments.

"We have been giving yearly allocations to Esscom, and this



Prime Minister Datuk Seri Najib Razak, Sabah Chief Minister Datuk Seri Musa Aman (second from left) and Communications and Multimedia Minister Datuk Seri Salleh Said Keruak (second from right) waving the Jalur Gemilang at the Ekspresi Negaraku programme in Sandakan yesterday. BERNAMA PIC

year, we spent RM323 million on Eastern Sabah Safety Zone (Esszone) operations.

"Sabah has been the biggest recipient of the 11th Malaysian Plan rollout with RM9 billion allocated.

"That is equivalent to 10.3 per cent of the Federal Government's budget.

"For Sabah, we have done more than what people expected. For example, the Pan-Borneo Highway

has a RM12.8 billion allocation and is in its first phase.

"The second and third phases will follow, and the whole project is expected to cost more than RM20 billion. There are more things to come."

Najib said Chief Minister Datuk Seri Musa Aman would meet him regularly to discuss the needs of the people.

Some 30,000 people turned up for the event aimed at providing a

platform for the people to express their love of the country.

Najib mentioned how fallen policeman Superintendent Ibrahim Lebar did not think twice about defending Malaysian sovereignty when responding to the threat of intruders in Kampung Simunul, Semporna, in 2013.

"He was unfortunate as there was an insider, a colleague who tipped off the intruders," he said of the ambush where Ibrahim,

from Peninsular Malaysia, was among six policemen killed by terrorists.

"His sacrifice saw him leaving behind his wife and children.

"It is a shame that a good Malaysian died due to an individual who has no love for the country and is willing to be in cahoots with the enemy.

"That is why we need to be united, so no one can threaten the land of Sabah."



Organised by the Malaysian Invention and Design Society (MINDS), this exhibition will feature a ground-breaking 1,000 inventions by researchers from the institutions of higher learning as well as young inventors, individual and corporate. Participants from more than 20 countries will be present, including Malaysia, Indonesia, Taiwan, South Korea, Saudi Arabia, Iran, Thailand, Poland, Egypt, Kuwait and Bahrain.

According to Tan Sri Augustine S.H Ong, the president of MINDS and also the chairman of the organising committee for ITEX, this year's staging will focus on commercialisation and entrepreneurship. "The policy of Malaysia's Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) towards the SME and Startup Communities especially, has served as our guiding principle. Hence, alongside MOSTI, ITEX 2017 will strive to be of service to these exhibitors/inventors via the startup showcase", he said.

At ITEX 2017, startups and R&D spinoff companies are able to learn from the best businesses through various activities. Pitch4Fund, for example, will bring together

Inventing for a BETTER WORLD

KUALA LUMPUR is welcoming more than 20 countries for the staging of ITEX 2017 (28th International Invention, Innovation and Technology Exhibition) at Kuala Lumpur Convention Centre from the May 11 to 13, 2017. Aimed at bridging the gap between the incredible pace of scientific innovation and the society and for commercialisation purposes of inventions and innovation, the theme for this year's staging aptly reads "Inventing for a Better World".



innovators and investors to fund the next big thing. Startups Talks, on the other hand, is a goldmine of knowledge for budding enterprises.

Each year ITEX is thrilled to showcase hundreds of ingenious inventions by young minds through the staging of the World Young Inventors Exhibition (WYIE). WYIE is co-located at ITEX 2017, an overarching event for ITEX's annual flagship shows for budding inventors that also include the Asian Young Inventors Exhibition (AYIE), and the Malaysian Young Inventors Exhibition (MYIE).

With WYIE as the overarching event, these exhibitions will take on a new life fueled by awe-inspiring ideas. Another concurrent event not to be missed is Arts and Creativity Exhibition (ACE) organised by MINDS and returning for the third time. It seeks to actively encourage creative imagination, both in writing and in drawing and to improve English language skills. This year's theme will be "A Thing of Beauty is a Joy Forever: Showcasing Malaysian Heritage".

Also, at ITEX this year, the

Graphic Design Association of Malaysia, wREGA will be co-locating its arts exhibition in celebration of World Design Day 2017 with its theme "Start Young". wREGA will also be conducting public talks on green design and branding. According to wREGA's president, Melissa Wong, its aim is to go public by organising talks and exhibitions about designing the value of the design process and to bring people from various disciplines to frame and solve local design problems.

The finale of the 2-day event will be a ballroom affair: an invitation to Malam Budaya Cipta. Apart from the glitz and glamour, the true show-stoppers of the night are the numerous coveted awards up for grabs. The MOSTI Patron Award, Asian Invention Excellence Award and the ITEX 2017 Best Invention Awards are among the main awards inventors will be vying for that night.

Over the 3-day event of ITEX 2017, a line-up of programmes such Venture Capital to Entrepreneur Talk, Business Matching Sessions, and an Arts and Creativity Exhibition are also held.

For more information of ITEX, log on to www.itex.com.my or ITEX Facebook at [ITEXMalaysia](https://www.facebook.com/ITEXMalaysia)



Mengubah iklim kewartawanan sains

SELAMA tiga hari, saintis dan wartawan daripada pelbagai universiti dan organisasi media telah menghadiri bengkel untuk membincangkan kaedah terbaik dalam menyampaikan ilmu dan hasil kajian sains menerusi media massa.

Bengkel kewartawanan sains yang bertemakan *Changing the Climate Between Scientist and Journalist* itu dianjurkan oleh Kumpulan Industri - Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) selama tiga hari di Akademi Sains Malaysia (ASM) baru-baru ini.

Modul latihan untuk bengkel ini telah disediakan oleh Institut Analisis Alam Sekitar (IEA), University of Reading yang meliputi kaedah wawancara, penulisan bagi siaran media dan sebagainya selain menjadi tempat bagi saintis dan wartawan untuk bertukar idea dan berkongsi pengalaman dalam kerjaya masing-masing.

Menurut salah seorang peserta, **Dr. Razinah Sharif** yang merupakan pensyarah dari Sekolah Sains Kesihatan, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), program tersebut sangat bagus dan wajar dikembangkan kepada saintis-saintis lain.

"Sebagaimana di universiti, sistem yang diguna pakai untuk menghubungkan penyelidik dan media adalah agak rumit dan perlu melalui beberapa peringkat. Jadi, dengan adanya bengkel ini, para saintis dapat belajar pelbagai perkara misalnya untuk menulis siaran akhbar sendiri dan berhubung dengan pihak media dengan cara yang lebih mudah.

"Saya berharap program ini dapat diteruskan dan diluaskan ke setiap universiti awam mahupun swasta selain institut penyelidikan di Malaysia, sekali gus dapat mengengahkan



BENGKEL Kewartawanan Sains anjuran MIGHT diadakan di Akademi Sains Malaysia, Kuala Lumpur baru-baru ini.

penyelidikan yang dijalankan oleh saintis di negara ini," katanya.

Seorang lagi peserta, **Nuril Mutmainnah Roslan** yang merupakan Pegawai Penerbitan dari Pusat Sains Negara (PSN) berkata, sepanjang tiga hari mengikuti bengkel berkenaan, telah berjaya mengubah persepsinya mengenai saintis.



DR. ROSDIADEE NORDIN



NURIL MUTMAINNAH



DR. RAZINAH SHARIF

"Tidak dinafikan, ada sesetengah saintis yang sangat teruja dan ingin kajian mereka diketengahkan kepada umum, maka dengan adanya bengkel sebegini, saya telah belajar bagaimana untuk mendekati saintis dengan cara yang betul selain dapat memperluas lagi hubungan dengan saintis yang turut hadir mengikuti bengkel ini.

"Selain itu, bengkel ini juga telah membantu menambah keyakinan saya untuk berhadapan dengan ahli pendidikan. Bukan itu sahaja, saya juga telah belajar untuk mengolah kajian dan penyelidikan saintis ke dalam bentuk yang lebih ringkas dan mudah difahami.

"Cadangan saya untuk memperbaiki program ini pula ialah dengan menjadikan bengkel ini lebih santai dan mengurangkan aktiviti yang memerlukan peserta menyiapkan tugas dalam masa

singkat. Hal ini kerana ia akan menjadikan aktiviti nampak lebih serius dan peserta tidak dapat mengikuti bengkel dengan selesa.

"Jadi, pada masa hadapan, penganjur mungkin boleh memperbanyak paparan visual agar peserta dapat menikmati bengkel dengan lebih seronok dan selesa selain memperbanyak sesi perkongsian maklumat sesama peserta," ujarnya.

Sementara itu, **Prof. Madya Dr. Rosdiadee Nordin** yang

merupakan pensyarah Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, UKM berkata, bengkel itu telah mengajar saintis untuk menyampaikan kajian dan penyelidikan kepada umum secara mudah serta lebih menarik.

"Dari segi kandungan pula, boleh dikatakan ada beberapa perkara baharu yang dapat dipelajari lebih-lebih lagi berkenaan dunia kewartawanan.

"Bagi penambahbaikan pula, diharapkan pada masa hadapan dapat menjadikan pengisian dan modul bengkel ini lebih ringkas kerana jangka masa ia dijalankan agak terhad sehingga agak sukar untuk melengkapkan tugas yang diberikan," katanya.

Bengkel ini merupakan satu platform bagi ahli sains dan wartawan untuk mempelajari kemahiran baru, berkongsi pengalaman, pertukaran idea dan membina rangkaian yang kukuh agar dapat menyampaikan sains dalam bentuk berita dengan lebih berkesan.

PENGAJARAN DI KELAS ATAU SECARA MAYA

UTP rakan kongsi pendidikan pertama Fortinet di Asia Tenggara

DARI MUKA 1

"Program FNSA di UTP bakal membabitkan kursus sarjana muda dalam Sistem Teknologi Maklumat Perniagaan serta major Teknologi Komunikasi dan Maklumat, di bawah modul Keselamatan Rangkaian bermula bulan ini.

"Modul berkenaan boleh diajar melalui pengajaran dalam kelas atau secara maya," katanya ketika mengumumkan perkongsian berkenaan.

Ahmad Kamil berkata, profesional keselamatan di Malaysia masih kurang, jadi usaha menangani



AHMAD Kamil (tengah) bersama Chow (kiri) dan Pengurus Negara Fortinet Malaysia Michelle Ong selepas menandatangani kerjasama antara UTP dengan Fortinet.



AHMAD Kamil



CHOW

kekurangan itu perlu dipertingkatkan di samping memenuhi sasaran kerajaan.

Sementara itu, Pakar Strategi Keselamatan dan Rangkaian Fortinet untuk Asia Pasifik Gavin Chow berkata UTP adalah rakan kongsi pendidikan pertama syarikat itu di Asia Tenggara.

"Kerjasama dengan UTP akan membangunkan tenaga kerja mahir dalam semua aspek platform keselamatan rangkaian Fortinet yang akan diiktiraf sebagai kumpulan profesional keselamatan elit.

"Selain kerjasama dengan UTP, kami secara aktif mengajak

pihak industri dan awam memacu kesedaran berkenaan isu keselamatan siber melalui laman web kami di www.fortinet.com," katanya.

Menurut Chow, ancaman keselamatan siber makin meningkat dan memberi impak terhadap organisasi dalam pelbagai bentuk dan industri di seluruh dunia.

"Anggaran terbaru menunjukkan satu juta jawatan kosong mengenai keselamatan siber dengan permintaan dijangka meningkat kepada enam juta secara global pada 2019," katanya.

FNSA yang dilancarkan tahun lalu turut dibangunkan di 54 negara melalui 56 institusi

akademik. Agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), CyberSecurity Malaysia mempunyai sasaran untuk melatih dan mentauliahkan seramai 10,000 profesional dalam keselamatan siber menjelang 2020.

Menurut MOSTI, adalah penting untuk membangunkan kumpulan bakat keselamatan siber bagi membangunkan ekosistem keselamatan siber dinamik yang mampu menyokong transformasi Malaysia kepada sebuah ekonomi digital berpendapatan tinggi. -Fazurawati Che Lah

Kerjasama dengan UTP akan membangunkan tenaga kerja mahir dalam semua aspek platform keselamatan rangkaian Fortinet yang akan diiktiraf sebagai kumpulan profesional keselamatan elit

CHOW